

PERBANDINGAN MAKTABAH SYAMILAH DAN JAMI' KUTUB TIS'AH DALAM KALANGAN PELAJAR: SATU KAJIAN ANALISIS KEPENGGUNAAN

Nurul Asyikin Binti Abdullah¹
Nurul Asyiqin Binti Mohd Rozy²
Syed Najihuddin Bin Syed Hassan³

¹Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (E-Mail: asyikinabdullah99@raudah.usim.edu.my)

²Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: nurulasyiqin99@raudah.usim.edu.my)

³Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Malaysia, (Email: syednajihuddin@usim.edu.my)

Abstrak: Hadith merupakan sumber kedua bagi agama Islam selepas al-Quran. Kajian ini membincangkan tentang perbandingan Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah. Ianya bertujuan untuk mengenal pasti Tahap Kepenggunaan antara Software Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Kajian ini merupakan kajian soal selidik yang dijalankan terhadap mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan mahasiswa di lain-lain universiti tempatan. Hasil dapatan kajian mendapati bahawa Software Maktabah Syamilah dan Aplikasi Kutub Tis'ah merupakan medium para pelajar untuk mencari serta mentakhrijkan hadith secara pantas yang menempatkan puluhan ribu hadith beserta Riwayat dan perawinya. Kesimpulannya, penggunaan Software Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah ini merupakan teknologi yang memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan sumber hadith.

Kata Kunci: Perbandingan, Maktabah Syamilah, Jami' Kutub Tis'ah, Kepenggunaan

Pendahuluan

Islam pada masa Rasulullah masih hidup apabila terdapat kekurangan fahaman terhadap suatu hukum, para sahabat langsung menanyakan kepada Rasulullah, sehingga boleh diselesaikan dengan cepat. Kemudian, sepeninggalan Rasulullah, para sahabat menggunakan pengalaman yang diperolehi dari perkataan, perbuatan dan kebiasaan Baginda ketika masih hidup.

Sumber ajaran Islam yang utama adalah al-Quran dan hadith atau al-Sunnah. Al-Quran merupakan sumber dasar syari'at Islam yang tidak ada keraguannya, kerana al-Quran adalah kalam Allah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dan menjadi sumber utama hukum dalam Islam adapun sumber hukum kedua adalah al-Sunnah. Dalam usaha penulisan al-Quran, Rasulullah telah langsung membimbing dan menuntunnya. Sehingga sejak zaman Rasulullah sampai terbentuknya mushaf sebagaimana yang kita dapat saksikan saat ini, memerlukan waktu yang relatif pendek iaitu sekitar 15 tahun sahaja. Sedangkan untuk menghimpunnya dan penulisan mengalami masa yang cukup panjang iaitu tiga abad lamanya. Tetapi untuk hadith, tidak ada perintah dari Nabi Muhammad untuk membukukannya. Pada abad ke-2 Hijriah, barulah hadith nabi dibukukan iaitu pada zaman Khalifah Umar ibn Abd al-Aziz dengan dukungan penguasa saat itu. Sehingga hal tersebut menjadikan hadith berkembang sedemikian pesatnya dan memunculkan beragam kitab hadith. Kegiatan pembukuan kitab hadith di dunia Islam sudah berlangsung sekitar 12 abad lamanya.

Maktabah syamilah adalah software perpustakaan digital yang berisikan ribuan kitab-kitab mengenai pengetahuan keIslaman yang dapat diakses dengan mudah mulai dari kitab tafsir, 'ulum al-Quran, fiqh, filsafat, hadith, 'ulum al-hadith, sastera, perawi hadith, biografi para ulama, akidah, sejarah dan sebagainya. Sesuai dengan namanya, maktabah ertinya perpustakaan. Syamilah pula ertinya lengkap. Dengan kata lain, maktabah syamilah ini umpama perpustakaan digital Islami (*Islamic Digital Library*). Maktabah syamilah memuat hampir semua kitab mu'tabarah, kumpulan kitab lengkap, tersedia secara percuma dan boleh di muat turun melalui website rasmi maktabah syamilah, mudah digunakan dan boleh di *install* di sistem operasi *windows*. Software ini menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa utama. Maka, penguasaan bahasa Arab sangat membantu untuk memulai maktabah syamilah. Software ini sangat sesuai digunakan di sekolah yang belajar kitab, majlis-majlis ilmu keIslaman sehingga ke institut pengajian tinggi seperti di Universiti Sains Islam Malaysia.

Manakala, Jami' Kutub Tis'ah yang berasal dari tiga suku kata dalam bahasa Arab جامع yang bererti kumpul, manakala الكتب yang bererti kitab-kitab dan kata Tis'ah berasal التسعة yang bererti sembilan. Jadi secara istilah, Jami' Kutub Tis'ah adalah pengumpulan kitab-kitab yang memuat hadith-hadith yang popular yang diriwayatkan oleh 9 (sembilan) Imam dalam kitab hadith yang telah disusun oleh mereka sendiri. Adapun sembilan Imam yang dimaksudkan iaitu antaranya:

1. Sahih Bukhari.
2. Sahih Muslim.
3. Sunan Abu Daud.
4. Sunan Tirmidzi.

5. Sunan An-Nasa'i.
6. Sunan Ibnu Majah.
7. Musnad Ahmad.
8. Muwattho Malik.
9. Sunan Ad-Darimi.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti Tahap Kepenggunaan antara Software Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Kajian ini merupakan kajian soal selidik yang dijalankan terhadap mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian yang dijalankan ialah kajian tinjauan menggunakan kaedah kuantitatif bagi menjawab semua persoalan kajian. Data kuantitatif didapati menerusi borang kaji selidik yang disebarkan dan dijawab oleh mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain universiti tempatan untuk menganalisis serta mengenal kemajuan teknologi komunikasi dalam memudahkan proses pembelajaran dan pencarian ilmu-ilmu hadis dan juga agama di era pemodenan ini. Pendekatan kuantitatif akan dilakukan ke atas sejumlah individu dengan menggunakan soalan dalam bentuk survey dari google forms. Ia seterusnya akan diukur dalam bentuk nombor. Data-data yang diperolehi melalui tinjauan (soal selidik) akan diterjemah dalam bentuk nombor berdasarkan skala atau teknik statistik.

Sorotan Literatur

Maktabah Syamilah Sumber Rujukan Mencari Kitab

Terdapat banyak kajian atau penulisan yang dijalankan berkaitan software maktabah syamilah. Dalam satu sorotan literatur yang dilakukan oleh (Luthviah et al., 2022) menyatakan bahawa mahasiswi kekurangan kitab dan kebingungan ketika mencari rujukan kitab untuk menyiapkan tugas akhir mereka. Dengan adanya bengkel pengenalan maktabah syamilah ini kepada mahasiswi, mereka dapat mengetahui serba sedikit tentang software tersebut. Software maktabah syamilah merupakan sumber rujukan utama mahasiswi untuk mencari kitab Tafsir Hadith. Antara kesimpulan yang dapat dibuat daripada sorotan literatur tersebut ialah mahasiswi Universitas Nurul Jadid program Ilmu al-Quran dan Tafsir mempunyai impak yang positif serta mempunyai pengetahuan dan juga mahir dalam menggunakan software maktabah syamilah dalam mencari sumber rujukan kitab. Selain itu, mahasiswi juga dapat mengaplikasikan software maktabah syamilah dengan baik dalam mencari sumber rujukan kitab.

Maktabah Syamilah Sebagai Rujukan Takhrij Hadis

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh (Mochamad Sabilil Muttaqin, 2014) terhadap mahasiswa pendidikan agama Islam Universitas Islam Negeri Syarif Hidayatullah Jakarta mengenai penggunaan software maktabah syamilah yang memberi kesan terhadap subjek *takhrijul hadith*. Mahasiswa mengatakan penggunaan maktabah syamilah memberi pengaruh yang positif kerana pencarian hadith dalam kitab al-Mu'jam al-Mufahras yang tidak begitu teliti dalam subjek *takhrijul hadith*. Kitab tersebut hanya memberi 9 buah kitab hadith sahaja malahan masih banyak

hadith selain 9 buah kitab tersebut. Kesimpulannya, maktabah syamilah banyak memberi manfaat dan kesan yang positif dalam pembelajaran subjek *takhrijul hadith*, di mana ia memudahkan mahasiswa untuk memahami dan mendalami ilmu-ilmu Islam.

Maktabah Syamilah Sebagai Teknologi Pembelajaran

Seterusnya, sorotan kajian yang dijalankan oleh (Moh. Syafi' et al, 2019) mempunyai empat tujuan iaitu mengetahui respon pelajar terhadap pembelajaran berasaskan teknologi iaitu aplikasi maushu'ah al-hadits dan maktabah syamilah. Kedua, memberi kesedaran kepada pelajar Pondok Pesantren Salaf Alhidayah tentang pembelajaran yang berasaskan teknologi agar mereka mampu mengaplikasikan teknologi dalam proses pembelajaran. Ketiga, memupuk budaya belajar yang berintegrasi dengan teknologi tanpa mengurangi atau mengubah nilai tradisi Pondok Pesantren Salaf Alhidayah. Keempat, menambah baik pengayaan rujukan yang mudah diakses oleh pelajar salaf Al-Hidayah. Kesimpulannya, dengan adanya bantuan berasaskan IT melalui maktabah syamilah dan maushu'ah ia dapat membuka minda pelajar terhadap teknologi di luar sistem dan budaya pondok pesantren tradisional (salaf). Mereka juga mampu melakukan tindakan transformatif ke arah perubahan yang amat ketara dalam mengintegrasikan sistem pendidikan tradisional dan budaya pondok pesantren dengan teknologi maklumat melalui aplikasi dan perisian maktabah syamilah dan mausu'ah hadith.

Disamping itu, kajian yang dilakukan oleh (Abdul Malik Ghozali, 2017) yang bertajuk Pemberdayaan Madrasah Melalui Digital Library di Man 1 Model Bandar Lampung menyatakan penggunaan perpustakaan digital iaitu maktabah syamilah ini mempunyai peningkatan kepada guru dalam mencari ayat-ayat Al-Quran, mentafsir serta mentakrij hadith-hadith nabi. Hal ini dapat dijelaskan, guru perlu mahir dalam penggunaan perpustakaan digital untuk penguasaan pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

Kelebihan Dan Kekurangan Maktabah Syamilah

Selain daripada itu, terdapat kebaikan dan keburukan maktabah syamilah yang dinyatakan oleh kajian (Nur Aris, 2015). Kebaikan kajian yang dinyatakan dalam kajian tersebut ialah maktabah syamilah memberi kemudahan kepada para pencari maklumat tentang isu keIslaman. Hal ini kerana, ia menjimatkan masa para pencari untuk mencari kitab tanpa perlu ke perpustakaan manual yang menempatkan puluhan ribu kitab. Di samping itu, ia menyatakan maktabah syamilah ini adalah fleksibel dimana software tersebut dapat dimasuk pada bila-bila masa sahaja. Namun, ada juga kekurangan disebalik kelebihan itu dimana ketidakseragaman antara versi cetak dan juga versi digital dari sudut nombor halaman. Hal ini menyukarkan lagi untuk melakukan semakan bagi pengesahan maklumat. Selain dari itu, maktabah syamilah menyebabkan membuat masyarakat malas untuk membaca semua maklumat yang terkandung didalam kitab itu. Secara kesimpulannya, maktabah syamilah ini mempunyai kelebihan dan kekurangan tetapi kekurangan tersebut adalah terlalu kecil untuk dibandingkan dengan kelebihannya.

Dalam pada itu, kajian oleh (Oyoh Bariah, 2017) menunjukkan ada peningkatan terhadap pemahaman tentang fungsi dan faedah maktabah syamilah kepada pensyarah Fakultas Agama Islam Unsika dalam proses pembelajaran. Faedah yang dinyatakan dengan menggunakan maktabah syamilah adalah yang pertama dapat meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar. Kedua, dapat meluaskan akses kepada seluruh pendidikan dan pembelajaran. Ketiga, ia mengurangkan lagi kos pendidikan kerana dapat membuat rujukan melalui maktabah syamilah. Keempat, ia dapat

membangunkan kemahiran ICT serta dapat diaplikasikan oleh pelajar di tempat kerja dan di kemudian hari.

Dapatan Kajian

Bagi memperincikan dengan jelas hasil dapatan kajian, pengkaji akan menganalisis maklumat-maklumat yang diperolehi dengan menggunakan bantuan carta pai, jadual dan sebagainya. Analisis kajian yang dijalankan di dalam bab ini berdasarkan hasil dapatan kajian tanpa sebarang perbincangan yang mendalam iaitu perbandingan Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah yang bertujuan mengenal pasti Tahap Kepenggunaan antara Software Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Dapatan soal selidik ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu mengenai maklumat responden dan bahagian B berkaitan Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah.

Bahagian A: Maklumat Responden

Kajian ini melibatkan 45 orang responden yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain universiti tempatan. Soal selidik bahagian A telah digunakan untuk mengetahui latar belakang responden. Latar belakang responden dilaporkan berdasarkan tiga perkara iaitu jantina, tahun pengajian dan kos pengajian. Analisis yang digunakan ialah analisis deskriptif kekerapan dan peratusan.

Jadual 1: Taburan Responden mengikut Faktor Demografi

Demografi	Kekerapan	Peratusan
Jantina:		
Lelaki	13	28.9
Perempuan	32	71.1
Tahun Pengajian:		
Tahun 1	3	6.7
Tahun 2	4	8.9
Tahun 3	4	8.9
Tahun 4	34	75.6

Kos Pengajian:		
Quran Sunnah	25	55.6
Pendidikan Islam	8	17.8
Qiraat	3	6.7
Sunnah Pengurusan Maklumat	3	6.7
Syariah	2	4.4
Akidah dan Agama	1	2.2
Dakwah Pengurusan Islam	1	2.2
Akaun	1	2.2
Lain-lain	1	2.2

Jumlah keseluruhan responden yang mengambil bahagian dalam kajian ini adalah seramai 45 orang. Responden kajian adalah merupakan mahasiswa dan mahasiswi Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain universiti tempatan yang telah dipilih secara rawak mudah oleh pengkaji. Berdasarkan analisis demografi, jumlah responden lelaki dalam kajian ini adalah seramai 13 orang iaitu (28.9%), manakala responden perempuan adalah seramai 32 orang iaitu (71.1%). Seterusnya, Jadual 1 menunjukkan tahun pengajian responden kajian, iaitu daripada tahun 1 hingga tahun 4. Responden pengajian tahun 4 merupakan paling ramai dalam kajian ini, iaitu 34 orang (75.6%), responden tahun 2 dan 3 hanya seramai 4 orang (8.9%) sahaja. Manakala responden tahun 1 pula adalah seramai 3 orang (6.7%) sahaja.

Analisis demografi responden bagi kos pengajian ialah merujuk kepada mahasiswa Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan lain-lain universiti tempatan. Kekerapan bagi responden bagi kos pengajian Quran dan Sunnah di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah adalah paling tertinggi adalah seramai 25 orang iaitu (55.6%). Manakala kekerapan bagi responden kedua tertinggi adalah kos pengajian Pendidikan Islam di Fakulti Pengajian Bahasa Utama adalah seramai 8 orang iaitu (17.8%). Seterusnya, bagi kos pengajian Qiraat dan Sunnah Pengurusan Maklumat di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah adalah seramai 3 orang iaitu (6.7%). Bagi kos pengajian Syariah dibawah Fakulti Syariah Undang-Undang adalah seramai 2 orang iaitu (4.4%). Akhir sekali kos pengajian seperti Akidah dan Agama, Dakwah Pengurusan Islam dan Akaun dan lain-lain kos pengajian iaitu seramai 1 orang iaitu (2.2%).

Daripada perangkaan ini, kita dapat membuat gambaran umum bahawa bilangan responden perempuan adalah lebih ramai daripada lelaki. Selain itu, responden bagi tahun pengajian menunjukkan pelajar tahun 4 lebih ramai daripada pelajar tahun lain. Disamping itu, kos pengajian Quran Sunnah adalah yang tertinggi berbanding kos pengajian lain.

Bahagian B: Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Maktabah Syamilah Dan Jami' Kutub Tis'ah


Adakah anda pernah mempelajari ilmu Hadis?



Rajah 1

Rajah 1 menunjukkan kesemua responden iaitu seramai 45 orang (100%) pernah mempelajari ilmu hadis. Majoriti kesemua responden pernah mempelajari ilmu hadis.


Adakah anda mengenali Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah?



Rajah 2

Rajah 2 menunjukkan seramai 35 orang daripada 45 responden bersamaan 77.8 % mengenali Maktabah Syamilah dan Aplikasi Kutub Tis'ah. Manakala 3 responden bersamaan 6.7% tidak mengenali Maktabah Syamilah dan Aplikasi Kutub Tis'ah Seterusnya 7 orang responden yang bersamaan 15.6% mengatakan mungkin mengenali Maktabah Syamilah dan Aplikasi Kutub Tis'ah. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa responden mengenali Maktabah Syamilah dan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah.

Adakah anda pernah mempelajari ilmu Hadis menggunakan Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah?



Rajah 3

Rajah 3 menunjukkan seramai 32 orang daripada 45 responden bersamaan 71.1 % pernah mempelajari ilmu hadis menggunakan Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Manakala 7 responden bersamaan 15.6% tidak pernah mempelajari ilmu hadis menggunakan Maktabah Syamilah dan Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah. Seterusnya 6 orang responden yang bersamaan 13.3% mengatakan mungkin pernah mempelajari ilmu hadis menggunakan Maktabah Syamilah dan Aplikasi Kutub Tis'ah. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa responden pernah mempelajari ilmu hadis menggunakan Maktabah Syamilah dan aplikasi Jami' Kutub Tis'ah

Menurut anda, Penggunaan manakah yang lebih efektif dalam pembelajaran ilmu Hadis?




Rajah 4

Rajah 4 menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai penggunaan manakah yang lebih efektif dalam pembelajaran ilmu Hadis. Seramai 41 responden bersamaan 91.1% menyatakan Maktabah Syamilah. Manakala Aplikasi Jami' Kutub Tis'ah menunjukkan seramai 27 responden bersamaan 60%. Seterusnya, seramai 12 orang daripada 45 responden bersamaan 26.7% menyatakan Aplikasi Jawami' Al-Kalim lebih efektif dalam pembelajaran ilmu Hadis. Justeru itu, seramai 7 responden bersamaan 15.6% menyatakan Website Mause'ah dan 11 responden bersamaan 24.4% menyatakan Website Dirar Al-Sunniyyah. Secara keseluruhannya, penggunaan yang lebih efektif dalam pembelajaran ilmu Hadis menumpukan lebih kepada Maktabah Syamilah.

Berikan alasan terhadap pilihan anda di atas?

Hasil dapatan kajian menunjukkan beberapa alasan yang diberikan oleh para responden mengenai penggunaan manakah yang lebih efektif dalam pembelajaran ilmu Hadis, iaitu yang pertama, hasil pencarian yang lebih pelbagai dan mudah. Yang kedua, mudah diakses tanpa membuka kitab. Yang ketiga, lebih mudah dapat maklumat secara terperinci. Yang keempat, kerana sering digunakan sepanjang pengajian. Dan yang kelima, amat mudah digunakan untuk merujuk sesuatu syarah berkaitan sesuatu hadis.


Dari manakah anda mengetahui Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah?



Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan seramai 34 orang daripada 45 responden bersamaan 75.6% mengetahui Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah daripada pensyarah. Manakala 9 responden bersamaan 20% mengetahui daripada rakan-rakan. Seterusnya daripada ibu bapa pula tiada responden dan seramai 2 responden bersamaan 4.4% mengetahuinya daripada media sosial. Secara keseluruhannya menunjukkan bahawa responden dapat mengetahui aplikasi Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah.

Apakah tahap penguasaan kepenggunaan Maktabah Syamilah?



Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan hasil dapatan kajian mengenai tahap penguasaan kepenggunaan Maktabah Syamilah. Seramai 13 responden bersamaan 28.9% menyatakan tahap penguasaan yang baik dan sangat baik. Manakala tahap memuaskan menunjukkan seramai 14 responden bersamaan 31.1%. Seterusnya, seramai 4 responden bersamaan 8.9% menyatakan tahap tidak memuaskan dan 1 responden bersamaan 2.2% menyatakan sangat tidak memuaskan terhadap tahap penguasaan kepenggunaan Maktabah Syamilah. Secara keseluruhannya, tahap penguasaan kepenggunaan Maktabah Syamilah memuaskan bagi para responden.

Apakah tahap penguasaan kepenggunaan Jami' Kutub Tis'ah?



Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan seramai 14 orang daripada 45 responden bersamaan 31.1% memberikan tahap penguasaan kepenggunaan Jami' Kutub Tis'ah dengan baik dan 10 responden bersamaan 22.2% menunjukkan tahap penguasaan yang sangat baik. Seterusnya, seramai 14 responden bersamaan 31.1% menunjukkan tahap yang memuaskan. Manakala seramai 4 responden bersamaan 8.9% mempunyai tahap penguasaan yang tidak memuaskan dan seramai 3 responden bersamaan 6.7% menunjukkan tahap sangat tidak memuaskan terhadap penguasaan kepenggunaan Jami' Kutub Tis'ah. Secara majoritinya menunjukkan responden mempunyai tahap penguasaan yang sangat baik dan memuaskan mengenai penguasaan kepenggunaan Jami' Kutub Tis'ah.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan hasil kajian “Perbandingan Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Analisis Kepenggunaan” Perisian Maktabah Syamilah merupakan perpustakaan di bentuk digital yang mengandungi ribuan koleksi kitab dan hadis. Penggunaan perisian Maktabah Syamilah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) setelah membuat kajian soal selidik mendapati ia merupakan suatu penggunaannya sebagai alat dalam mencari maklumat bagi memenuhi keperluan rujukan pelajar dalam dunia perkuliahan yang amat diperlukan. Dengan adanya perisian Maktabah Syamilah, pelajar amat memudahkan apabila mencari koleksi yang tidak terdapat di perpustakaan. Jami' Kutub Tis'ah ialah himpunan kitab-kitab hadis popular yang diriwayatkan oleh sembilan imam. Jika dibandingkan antara Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah, Maktabah Syamilah mempunyai tahap kepenggunaan yang tinggi kerana ia menempatkan puluhan ribu kitab-kitab. Kesimpulannya, penggunaan Software Maktabah Syamilah dan Jami' Kutub Tis'ah ini merupakan teknologi yang memberi kemudahan kepada pelajar untuk mendapatkan sumber Al-Quran dan Hadith.

Rujukan

- A. Irwan Santeri bin Doll Kawaid, & Mohd Aminuddin bin Israbani. (2020, October 29-30). KESILAPAN BERKAITAN TEKS DALAM PERISIAN DIGITAL ISLAM: KAJIAN KES TERHADAP PERISIAN AL-MAKTABAH AL-SYAMILAH DAN JAWAL' AL-KALIM. Retrieved from <https://oarep.usim.edu.my/jspui/bitstream/123456789/6955/1/BM008%20-%20Kesilapan%20Berkaitan%20Teks%20Dalam%20Perisian%20Digital%20Islam%20Kajian%20Kes%20Terhadap%20Perisian%20Al-Maktabah%20Al%20Syamilah%20Dan%20Jawal%E2%80%99%20%20Al-Kalim.pdf>
- Aris, N. (2015). *DIGITAL LIBRARY: MENGENAL AL-MAKTABAH AL-SYAMILAH*. Retrieved from <https://journal.iainkudus.ac.id/index.php/Libraria/article/download/1589/1458>
- Asilha. (2020, November 7). Implikasi Software Maktabah Syamilah bagi Mahasiswa di Era Pandemi - ASILHA. Retrieved November 30, 2022, from ASILHA website: <https://www.asilha.com/2020/11/07/implikasi-software-maktabah-syamilah-bagi-mahasiswa-di-era-pandemi/>
- Fatmawati, D., & Rifa'I, A. (2021). Kurikulum Pesantren Ideal Di Era Digital. *Syntax Literate Jurnal Ilmiah Indonesia*, 6(6), 2689. <https://doi.org/10.36418/syntax-literate.v6i6.3111>
- Ghozali, A. M. (2017). URGENSI DIGITAL LIBRARY DALAM PEMBERDAYAAN MADRASAH: Penggunaan Maktabah Syamilah versi 2.11 Dalam Peningkatan Kualitas Pembelajaran Guru di MAN 1 Model Bandar Lampung. *Cendekia: Journal of Education and Society*, 15(2), 153. <https://doi.org/10.21154/cendekia.v15i2.925>
- M Khoirul Huda, & M Khoirul Huda. (2021, June 26). Cara Mudah Mentakhrij Hadis dengan Menggunakan Maktabah Syamilah. Retrieved November 26, 2022, from Harakah.ID - Situs Belajar Islam Terpercaya website: <https://harakah.id/cara-mudah-mentakhrij-hadis-dengan-menggunakan-maktabah-syamilah/>
- Moh. Syafi, & Ana Sofiyatul Azizah. (2019). Pemberdayaan Berbasis Teknologi dan Informasi Melalui Aplikasi Maktabah Al Syamilah dan Maushuah Al Hadis di Pesantren Alhidayah Prapak Kranggan Kabupaten Temanggung Jawa Tengah. *Jurnal Ilmiah Citra Ilmu*, 15(30), 61–80. Retrieved from <http://ejournal.inisnu.ac.id/index.php/JICI/article/view/73>
- Mohd, Asyraf. "PENGUNAAN PERISIAN ATLAS.TI 8 DAN MAKTABAH SYAMILAH DALAM KAJIAN KUALITATIF BAHASA ARAB." ResearchGate, unknown, 30 Dec. 2019, www.researchgate.net/publication/338526497_PENGUNAAN_PERISIAN_ATLASTI_8_DAN_MAKTABAH_SYAMILAH_DALAM_KAJIAN_KUALITATIF_BAHASA_ARAB. Accessed 30 Nov. 2022.
- Muhammad Qomarullah, & Muhamad Faizul Amirudin. (2017, March 12). MENGENAL KUTUB TIS'AH DAN BIOGRAFI PENGARANGYA (Imam Malik, Imam Ahmad Ibn Hambal Dan Al-Damiri). Retrieved November 26, 2022, from ResearchGate website: https://www.researchgate.net/publication/329873986_MENGENAL_KUTUB_TIS%27AH_DAN_BIOGRAFI_PENGARANGYA_Imam_Malik_Imam_Ahmad_Ibn_Hambal_Dan_Al-Damiri

- mylitenotes.com. (2018). Kutubut Tis'ah: Permudah Santri Belajar Hadis - Website LLDIKTI Wilayah V. Retrieved November 26, 2022, from Kemdikbud.go.id website: <https://lldikti5.kemdikbud.go.id/home/detailpost/kutubut-tisah-permudah-santri-belajar-hadis>
- Nurun Najwah. "GENDER ANALYSIS on the MISIOGYNIS HADITHS in AL-KUTUB AL-TIS'AH." ResearchGate, Al-Jami'ah Research Centre, 30 Jan. 2021, www.researchgate.net/publication/348909317_GENDER_ANALYSIS_ON_THE_MISIOGYNIS_HADITHS_IN_AL-KUTUB_AL-TIS%27AH. Accessed 30 Nov. 2022.
- Oyoh Bariah. (2017). EFEKTIFITAS PENGGUNAAN DAN PEMANFAATAN E-BOOK MAKTABAH SYAMILAH BAGI DOSEN DALAM PROSES PEMBELAJARAN DI FAKULTAS AGAMA ISLAM UNSIKA. *Jurnal Pendidikan Islam Rabbani*, 1(2). Retrieved from <https://journal.unsika.ac.id/index.php/rabbani/article/view/1029>
- Romziana, L., Sholeha, S. W., Azizah, F., Hadi, L. F., & Fauziah, U. (2022). PELATIHAN MENCARI SUMBER RUJUKAN KITAB TAFSIR HADIS MELALUI SOFTWARE MAKTABAH SYAMILAH DI UNIVERSITAS NURUL JADID PAITON PROGRAM STUDI ILMU AL-QURAN DAN TAFSIR. *BUDIMAS : JURNAL PENGABDIAN MASYARAKAT*, 4(2). <https://doi.org/10.29040/budimas.v4i2.6572>
- Siti Syamsiyatul Ummah, (2019). "DIGITALISASI HADIS (Studi Hadis di Era Digital)". *Jurnal Ilmu Hadis*. Vol. 4. (1): p. 1-10.
- Shahril Nizam Zulkipli, Anas, N., Mohd, & Zulkifli Mohd Ghazali. (2018, October). PRESTASI APLIKASI HADIS DIGITAL (AHD) DALAM PERSEKITARAN INTERAKTIF. Retrieved December 5, 2022, from ResearchGate website: https://www.researchgate.net/publication/328230695_PRESTASI_APLIKASI_HADIS_DIGITAL_AHD_DALAM_PERSEKITARAN_INTERAKTIF